

12/11/2003

Simbiosis cukup bermakna buat Ella

Zul Husni Abdul Hamid

ILHAM Bicara dihasilkan dua tahun lalu, mengekalkan Ella sebagai penyanyi rock wanita terunggul. Menerusi album itu, Ella kembali meledak dengan lagu Tinggal Tanda Tanya, Nan Berbeza dan Jauh Di Mata.

Itu kisah dua tahun lalu, di mana Ella bangkit menggegarkan persada seni selepas tiga tahun berehat. Namun, untuk 2003, penyanyi dari Klang, Selangor ini, menggamit peminat setianya dengan album terbaru, Simbiosis.

Ella ketika ditanya, mempunyai alasan tersendiri mengapa album terbarunya, Simbiosis, mengambil masa hampir dua tahun untuk berada di pasaran.

Jelas penyanyi yang sudah merakamkan lebih 10 album itu, tempoh itu sebagai memberi laluan kepada album Ilham Bicara yang menurutnya, hingga kini masih mendapat sambutan hangat peminat.

"Ia nyata suatu perkembangan yang cukup mengejutkan. Ella begitu terharu dengan sokongan yang diberikan peminat," katanya, berterima kasih kepada peminat.

Simbiosis adalah istilah saintifik yang membawa pengertian hubungan di antara organisma yang berlainan tinggal dalam keadaan yang rapat. Bagaimanapun, pada kaca mata Ella, Simbiosis membawanya lebih dekat kepada peminat.

Menurutnya, Simbiosis cukup bermakna bagi dirinya dan peminat kerana antara mereka saling memerlukan. Judul Simbiosis diberikan Ajai, yang juga penerbit kepada lagu yang menjadi single pertama ratu rock itu.

"Dalam memperkembangkan muzik yang dibawakan, Ella perlukan sokongan terutama peminat. Bagi Ella, muzik adalah sesuatu yang bersifat sejagat dan mampu untuk menyatukan semua," kata Ella, mentafsir keunikan judul album itu.

Seperti album terdahulu, Simbiosis turut menampilkan senarai penerbit dan komposer yang begitu sinonim dengan arena muzik tempatan. Nama seperti Ajai, Fauzi Marzuki, Edrie Hashim, Andy Flop Poppy, Aji dan Kelly turut menghiasi kulit albumnya.

Adik Ella iaitu Korie turut menyumbangkan sebuah lagu berjudul, Sayup-Sayup. Ella, sendiri turut bertindak sebagai penerbit bersama.

Simbiosis, pada sudut pemerhatian Ella, masih bertunjangkan muzik rock yang menjadi identitinya sejak dulu. Namun begitu, lagu rock balada masih menjadi taruhan seperti Simbiosis, Terima Kasih, Jauh, Luka Terbisa dan Kabus.

Menerusi album terdahulu, Ella menyanyikan semula lagu lama, Jauh Di Mata dengan gaya tersendiri. Bagaimanapun, untuk Simbiosis, dia memilih lagu tradisional, Ulek Mayang yang diberi nafas baru oleh Edrie Hashim.

"Ella tertarik dengan keindahan melodi lagu ini. Semakin dihayati, kian terasa keindahan Ulek Mayang. Merakamkan lagu ini adalah satu pengalaman yang begitu berharga buat diri Ella," katanya.

Ella kembali merakamkan lagu Lagenda yang pernah dibawakan oleh Sheila Majid khas untuk Allahyarham Tan Sri P. Ramlee. Kali ini, Ella menyampaikan dengan alunan tersendiri dan diberi judul Lagenda 25.

Lagu Standing in the Eyes of the World yang dirakamkan sebagai lagu tema Sukan Komanwel Kuala Lumpur 1998 lalu turut dimuatkan kembali. Menurut Ella, lagu itu ditujukan khas kepada bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang bersara pada 31 Oktober lalu.

"Ella tujukan khas dua lagu ini kepada bekas PM kita yang banyak menabur bakti kepada negara. Bagi Ella, Dr Mahathir adalah pemimpin yang berjaya

meningkat tahap keyakinan Malaysia. Ella berbangga apabila di bawah kepimpinan Dr. Mahathir, nama Malaysia kini terpahat kukuh di peta dunia," kata Ella, bersemangat.